

LATIHAN 4 Kuingin Berterima Kasih

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

KUINGIN BERTERIMA KASIH

- 1 Sesekali kuingin berterima kasih kepadamu hujan bagai tetamu jiwa pun menjadi dingin api amarah pun terpadam.
- 2 Sesekali kuingin menyemai budi kepadamu tanah yang hidup kerana perutmu setia menghamilkan rezeki buat petani.
- 3 Sesekali kuingin berbisik kepadamu ikan-ikan yang riang liar di belantara samudera kerana sudi membebaskan derita nelayan tua di pondoknya.
- 4 Sesekali kuingin kalungkan kagum kepadamu pejuang negara kerana tanganmu pernah berdarah darah kesetiaan seorang warga kepada watan tercintanya.
- 5 Sesekali kuingin pula menjadi bunga menebarkan keharuman di taman-taman keresahan hidup menyerahkan keinsafan kepada kangkuhan perang.
- 6 Alangkah indahnya dunia andai semua merenung kekosongan hidup ini.

IHSAN NOORZALI

Daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan maksud rangkap kelima, apakah keinginan penyajak?
 - A Berterima kasih kepada pejuang negara yang sanggup berkorban demi negara tercinta
 - B Mengingatkan semua orang agar mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan
 - C Berterima kasih kepada hujan yang memberikan kesejukan dan memadamkan kebakaran
 - D Menyedarkan masyarakat tentang kesengsaraan hidup akibat keganasan dalam peperangan
2. Pernyataan yang berikut menunjukkan penyajak seorang yang bersyukur **kecuali**
 - A berterima kasih kepada hujan.
 - B ingin berbakti kepada tanah.
 - C mengagumi pengorbanan perajurit negara.
 - D menjadi sukarelawan untuk merawat mangsa perang.
3. Pernyataan yang menunjukkan penggunaan gaya bahasa personifikasi ialah
 - A kepadamu hujan bagai tetamu.
 - B ikan-ikan yang riang.
 - C darah kesetiaan seorang warga.
 - D di taman-taman keresahan hidup.
4. Yang berikut ialah pengajaran sajak **kecuali**
 - A kita hendaklah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Tuhan.
 - B kita mestilah sanggup berjuang demi negara.
 - C kita hendaklah mengenang jasa pejuang-pejuang tanah air.
 - D kita mestilah bersatu padu demi mengekalkan kesejahteraan negara.
5. Apakah tema sajak di atas?
 - A Manusia yang mengingati jasa perwira negara
 - B Kesedaran dalam mengekalkan keamanan dunia
 - C Manusia yang berbakti kepada tanah
 - D Manusia yang bersyukur dan menghargai nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan